

KEPENTINGAN AMALAN PENGURUSAN ISLAM DALAM URUS TADBIR DI SEKOLAH

Ainul Hayat Abdul Rahman, Dr Fakhri Sungit, Dr Zetty Nur Zuliana Rashed
(aienul209@gmail.com), (fakhri@kuis.edu.my), (zetty@kuis.edu.my)
Fakulti Pendidikan,
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Amalan pengurusan Islam merupakan sistem yang syumul, sistematik dan bertunjangan al-Quran dan as-Sunnah. Sistem pengurusan Islam merupakan sistem yang menguruskan sistem kehidupan manusia yang bersumberkan falsafah serta prinsip Islam yang lengkap. Pendekatan bersepadu dalam pengurusan Islam mesti berlandaskan kepada konsep tauhid. Amalan konsep pengurusan Islam yang sebenar akan menjadikan diri mereka berkualiti dan akan menghasilkan satu bentuk struktur dan proses pengurusan yang berkualiti. Sistem pengurusan Islam perlu diperluaskan lagi kerana kepentingannya kepada masyarakat serta dunia Islam sebagai pelengkap kepada semua sistem yang ada serta sebagai panduan utama kepada mereka yang mencari kesesuaian sistem yang boleh membawa kepada keharmonian dan kesejahteraan hidup. Tujuan kajian ini dijalankan bagi melihat keberkesanan amalan pengurusan Islam dalam sistem pengurusan urus tadbir sekolah. Kajian ini merupakan kertas kerja konsep yang menggunakan kaedah perpustakaan yang melibatkan prinsip asas pembentukan pengurusan Islam serta mengetahui potensi pelaksanaan pengurusan Islam dalam urus tadbir sekolah. Hasil perbincangan daripada kertas konsep ini diharapkan dapat memberi pemahaman tentang konsep pengurusan Islam serta menjadi pilihan utama bagi pelaksanaan pengurusan urus tadbir di sekolah yang sedia ada dalam kajian akan datang. Kesimpulannya, sistem pengurusan Islam perlu diperkenalkan dengan lebih meluas bagi menjamin pelaksanaan pengurusan sekolah berjalan dengan berkesan dan sistematik berlandaskan matlamat dan hala tuju yang dibentuk.

Kata kunci: Pengurusan Islam, Teori Pengurusan, Prinsip Pengurusan Islam.

1.0 PENGENALAN

Amalan pengurusan Islam meletakkan perhatiannya terhadap semua aspek yang memberi kesan kepada pelaksanaan pengurusan sama ada bersifat dalaman mahupun luaran. Pengurusan Islam sangat menitikberatkan ciri-ciri kemanusiaan dan keharmonian serta menghormati manusia sebagai salah seorang individu yang terlibat dalam pengurusan mengikut keupayaan yang ada pada diri mereka. Dalam masa yang sama ia juga menitik beratkan peraturan dan menentukan bidang dan tanggungjawab masing-masing. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Asmahan et al (2014) yang menyatakan bahawa pengurusan merupakan proses sosial yang selari dengan perkembangan masyarakat dan komuniti sekelilingnya. Pengurusan juga dapat dikaitkan dengan pengurusan sesebuah keluarga, komuniti dan organisasi atau pengurusan dalam sesebuah negara.

Sistem pengurusan Islam merupakan satu sistem yang menguruskan kehidupan manusia melalui falsafah dan prinsip Islam yang lengkap. Sistem pengurusan Islam bertujuan bagi mewujudkan perkhidmatan yang cekap bagi memastikan jaminan keselamatan, keadilan sosial,

keamanan serta kestabilan yang baik dalam kalangan masyarakat. Dalam pengurusan urus tadbir di sekolah, Islam mempunyai sistem pengurusan yang menjadikan pemerintahan dalam urus tadbir Rasulullah SAW sebagai role model. Ini terbukti apabila agama Islam berjaya disebarkan melalui gaya kepimpinan Rasulullah dalam menguruskan urus tadbir pemerintahan kerajaan Islam.

Dalam konsep pengurusan sekolah, pengetua dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan sistem pengurusan organisasi yang lancar dan sistematik. Menurut kajian Suzlina (2013), pengurusan sesebuah sekolah dipertanggungjawabkan kepada pengetua. Pengetua sekolah perlu bertanggungjawab dalam memberi kepimpinan kepada seluruh ahli organisasi termasuk kakitangan sokongan, guru-guru dan para pelajar. Jatuhnya sesebuah sekolah itu bermula jika tidak ditadbir dengan baik dan tiada ahli organisasi yang lengkap. Dalam kajian Aida (2020), salah satu masalah dalam pentadbiran di sekolah adalah kegagalan pemimpin sekolah bagi membudayakan suasana kerja dan budaya yang cemerlang serta berkualiti.

Sistem pelaksanaan pengurusan Islam perlu diperkenalkan secara meluas kerana kepentingannya kepada masyarakat dan dunia Islam sebagai pelengkap kepada semua sistem yang ada dan juga sebagai salah satu alternatif bagi mencari sistem yang boleh membawa kepada kesejahteraan hidup. Menurut Aabed (2006), kajian ilmiah berkenaan dengan amalan pengurusan Islam dalam urus tadbir sekolah amat terhad dan perlu diperluaskan lagi agar masyarakat dapat memahami asas dan prinsip utama dalam pengurusan Islam. Melalui beberapa jurang yang diperolehi, tujuan kertas konsep ini adalah bagi menyediakan satu panduan kajian dan dipecahkan kepada tiga pernyataan masalah seperti berikut:

- i. Apakah prinsip asas kepada pembentukan pengurusan Islam?
- ii. Adakah pelaksanaan pengurusan barat diadaptasi daripada pengurusan Islam?
- iii. Apakah potensi amalan kepimpinan Islam dilaksanakan dalam urus tadbir di sekolah atau institusi Pendidikan?

2.0 SOROTAN LITERATUR

2.1 Apakah Prinsip Asas Kepada Pembentukan Pengurusan Islam?

Melalui kajian-kajian yang lepas terdapat pelbagai kajian yang berkaitan dengan konsep pengurusan Islam dalam sistem organisasi urus tadbir sekolah. Menurut Dr Ahmad Bashir Aziz dalam bukunya yang bertajuk pengurusan perbandingan (2010), perbincangan mengenai pengurusan Islam bukan lah perkara yang baru. Ini kerana, tunjang utama pengurusan itu sendiri ada pada diri Rasulullah SAW. Pengurusan merupakan sebahagian daripada sistem kehidupan manusia yang tidak boleh dipisahkan daripada tuntutan Agama. Pengurusan Islam bersifat syumul dan sesuai diamalkan mengikut tempat, masa suasana serta mengikut zaman. Pengurusan Islam merupakan satu aktiviti perancangan serta pergerakan dari sesebuah organisasi yang berkaitan dengan segala tanggungjawab, kaedah, peraturan dan tugas dalam sesuatu proses dan pengolahan sumber termasuk tenaga manusia agar saling bekerjasama dan berfungsi bagi setiap organisasi demi menjaga hubungan manusia dengan Allah serta hubungan manusia dengan manusia. Sebagai seorang ketua dan pemimpin, prinsip asas pengurusan Islam merupakan perkara penting yang perlu dilaksanakan dalam pengurusan. Ini bertepatan dengan kajian NurShahiza et al (2014) iaitu setiap ahli digalakkan untuk sentiasa mengamalkan prinsip dan nilai Islam dalam organisasi.

Bagi konteks pengurusan Islam dalam urus tadbir di sekolah, matlamat dan hala tuju organisasi sekolah perlu seiring dengan konsep pengabdian diri kepada Allah (NurShahiza et.al, 2014). Ini kerana, matlamat yang ingin dicapai selaras dengan matlamat Islam bahkan kaedah dan cara yang diguna pakai bagi mencapai matlamat organisasi sekolah juga hendaklah selari dengan

konsep ubudiyah kepada Allah. Ini menunjukkan bahawa bagi mencapai matlamat tersebut juga perlu mengambil kira prinsip dan nilai Islam yang akan menjadikan ahli organisasi mereka seorang yang fokus dan sensitif bagi mematuhi arahan dan tegahan dalam Islam.

2.2 Adakah Pelaksanaan Pengurusan Barat Diadaptasi Daripada Pengurusan Islam?

Sistem pengurusan Islam bukan sistem yang dicipta dan direka oleh manusia sendiri, akan tetapi merupakan satu sistem yang dicipta dan diturunkan oleh Allah melalui Rasulullah SAW yang menjadi contoh terbaik kepada manusia dalam menguruskan urusan dunia mahupun akhirat. Pengurusan dalam Islam telah bermula pada dua era yang berlainan iaitu pada era Mekah dan era Madinah (NurShahiza et al, 2014). Ini menunjukkan teori, prinsip dan konsep asas pengurusan telah lama wujud. Namun begitu, ia tidak digubal dan didokumentasikan secara formal dan tersusun (Suharto, 2000). Pada awal abad ke 7, konsep pengurusan Islam mula diperbahaskan dengan lebih terperinci dengan kemunculan tokoh-tokoh yang menyentuh tentang isu berkaitan dengan pentadbiran negara Islam. Prinsip pengurusan berlandaskan Islam mula diketengahkan bagi usaha mencapai sebuah pentadbiran negara yang bertunjangkan Islam.

Hasil daripada kajian lepas, terdapat beberapa buah kitab yang telah dihasilkan sebagai sumber rujukan seperti al-Kharaj, al-Ahkam al-Sultaniyyah, al-Hisbah dan banyak lagi (Ilhaamie, 2001). Menurut kajian Aidit (1993), kemunculan tokoh dan sarjana Islam iaitu Abu Yusuf (731-798) banyak memberi pengetahuan dan manfaat dalam dunia pengurusan Islam. Melalui kepakaran dan ilmu yang dimiliki, beliau banyak menulis tentang konsep dan prinsip asas dalam pentadbiran dan pengurusan Islam. Nama-nama tokoh seperti Ibn Taimiyyah, Ibn Khaldun, al-Mawardi, Fakhrudin al-Razi, ibn Tufail dan banyak lagi telah menjadi perintis kejayaan dalam pentadbiran dan pengurusan Islam (Aidit, 1993). Setelah itu, pada awal abad ke 18 munculnya sarjana barat yang mula membicarakan tentang teori pengurusan serta pelbagai teori mula diperkenalkan secara formal oleh tokoh dan sarjana barat. Teori pengurusan barat mula berkembang pesat dengan dipelopori oleh tokoh dan pemikir barat terutamanya F.W. Taylor, Henri Fayol, Max Weber dan sebagainya. Ini menunjukkan dari segi perkembangan dan kemajuan amalan pengurusan, tamadun Islam banyak memberi pengaruh dan kesan secara langsung dalam pengurusan barat.

Ini terbukti apabila diakui sendiri oleh pelbagai pihak termasuk sarjana barat. Menurut Briffault (2018), dalam bukunya yang bertajuk *The Making of Humanity* menegaskan bahawa “Tiada satu aspek pun dalam pembangunan Eropah yang mana pengaruh Islam tidak dapat dikesan”. Ini dapat disimpulkan bahawa, kebanyakan konsep barat lahir dari pengaruh Islam. Terdapat juga kajian lepas yang cuba membuktikan bahawa teori dan model pengurusan yang dibina oleh ilmuan dan sarjana barat sebenarnya diadaptasi melalui gaya pengurusan Islam. Rasulullah SAW sendiri merupakan model pengurusan Islam yang sebenar yang telah terbukti melalui sejarah pemerintahan Rasulullah (Ilhaamie, 2001) yang mengandungi ciri kebersamaan dengan elemen pengurusan Henri Fayol yang mula dipertengahan sekitar tahun 1825-1945.

2.3 Apakah Potensi Amalan Pengurusan Islam Dilaksanakan Dalam Urus Tadbir Di Sekolah Atau Institusi Pendidikan?

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji tentang amalan pengurusan Islam dalam urus tadbir pengurusan sekolah melalui kajian yang dilakukan oleh camelia (2013), pengetua perlu mengutamakan sifat amanah dan memainkan peranan sebagai seorang pemimpin organisasi yang proaktif bagi menjadikan suasana dan budaya sekolah ke tahap yang efektif dan berkualiti. Oleh itu, pengurusan yang berkualiti dalam urus tadbir sekolah dapat mempengaruhi

ahli bawahannya ke arah pembentukan organisasi pengurusan yang cemerlang. Dalam kajian yang dilakukan oleh Marzuki (2014), pelaksanaan prinsip akidah telah berjaya mewujudkan suasana organisasi yang solehah dan telah meningkatkan penghayatan dan kefahaman melalui nilai Islam dalam kalangan warga organisasi.

Hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Marzuki (2014) juga menjelaskan bahawa, pengetua SMKA didapati berusaha dalam menjadikan sekolah mereka diantara salah sebuah institusi pendidikan yang sentiasa subur melalui suasana kepatuhan dan ketundukan kepada Allah. Selain itu juga, terdapat persidangan pendidikan yang membeincangkan peranan pengurusan Islam dalam kalangan pengetua dan pentadbir di sekolah dan bagaimana cara menerapkan pendekatan pengurusan Islam secara menyeluruh dalam organisasi pentadbiran di sekolah. Pertambahan idea yang berkaitan dengan pengurusan Islam semakin berkembang pesat dan dibentangkan secara ilmiah dalam kalangan pendidik serta pengkaji ilmu kerana konsep pengurusan Islam boleh digunakan secara menyeluruh dalam urus tadbir di sekolah.

3.0 PERBINCANGAN

3.1 Apakah Prinsip Asas Kepada Pembentukan Pengurusan Islam?

Secara hakikatnya, pengurusan Islam merupakan terjemahan daripada ‘kerajaan Islam’ atau pemerintahan Islam. Oleh yang demikian, prinsip asas pengurusan dalam sesebuah ‘Kerajaan Islam’ akan melibatkan beberapa prinsip utama yang di tetapkan iaitu Al-Ubudiyyah, As-Syura, Al-Hurriyyah dan Al-Amanah (NurShahiza, 2014).

3.1.1 Al -Ubuddiyah

Menurut Ibrahim (1991), beriman dengan keesaan Allah merupakan landasan keabdian bagi seorang muslim. Konsep ubudiyah menekankan tentang sifat manusia sebagai hamba dan sifat pengabdian diri yang ikhlas kepada Allah SWT. Sebagaimana firman Allah melalui surah an-Nisa ayat 59 iaitu “Wahai orang yang beriman taatilah Allah, taatilah Rasul dan pemimpin dalam kalangan kamu. Sekiranya kamu bertelingkah dalam sesuatu perkara maka kembalilah kepada Allah dan Rasul. Sekiranya kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, itulah sebaik-baik penyelesaian”. Dalam konteks pengurusan di sekolah, sistem pengurusan Islam sentiasa meletakkan keimanan dan ketakwaan sebagai paksi dan matlamat akhir (Nik Mutasim & Ismail , 1993). Setiap perbuatan dalam organisasi perlu diikat dengan pengabdian diri hanya kepada Allah. Penerapan amalan ubudiyah dalam konteks pengurusan di sekolah akan menjadikan seseorang itu mengamalkan nilai murni, bertanggung jawab, amanah dalam pekerjaan serta bijak menguruskan tugas sekaligus dapat membina jati diri yang bersikap terbuka dan tidak jumud.

Amalan ubudiyah bukan hanya mencorakkan pembentukan individu semata, akan tetapi dapat membentuk hala tuju dan matlamat serta budaya. Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Rasid et al (2008) bahawa, matlamat dan hala tuju organisasi perlu seiring dengan konsep pengabdian diri hanya pada Allah sekaligus selaras dengan matlamat yang hendak dicapai dalam konteks pengurusan Islam. Konsep ubudiyah juga secara tidak langsung dapat mencorakkan peribadi ahli organisasi agar berakhlak mulia serta berusaha menjadikan setiap amalan yang dilakukan dalam organisasi di sekolah sebagai satu ibadah serta menjadikan mereka seorang yang peka dengan arahan serta larangan Islam (NurShahiza et al, 2014).

3.1.2 As-Syura

Syura merupakan satu konsep amalan bagi menentukan sesuatu keputusan yang dibuat dalam pemerintahan Islam. Sistem ini merupakan faktor penting yang menjadi kejayaan dalam pemerintahan Islam terdahulu. Menurut Mustafa (1991), syura berasal daripada kalimah arab yang bermaksud mesyuarat. Ibn ‘Arabi mentakrifkan syura sebagai permesyuaratan bagi mengeluarkan pendapat dan nasihat bagi mencari kepastian (Ilhaamie, 2001). Ini bertepatan dengan firman Allah melalui surah al-Imran ayat 159 iaitu “... dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah...”. Hasilnya dapat dilihat apabila keputusan yang dibuat melalui syura hasil dari perbincangan yang matang dan mendalam bagi sesuatu isu. Dalam konteks pendidikan, prinsip syura mempunyai perkaitan dengan pengurusan dalam urus tadbir di sekolah. Melalui kajian Mohd Nor (2010), amalan syura merupakan prinsip perundangan dalam kepimpinan organisasi di mana ia dapat dilihat menerusi kepimpinan organisasi sekolah yang menyatakan betapa pentingnya pelaksanaan syura terhadap peningkatan kepuasan dan komitmen kerja guru. Ini selari dengan kajian NurShahiza et al (2014) iaitu amalan syura akan meningkatkan prestasi dan komitmen kerja guru kerana setiap keputusan yang di buat adalah secara bersama dan bukan hanya keputusan individu sahaja, bahkan dapat menghindarkan diri daripada kesalahan dalam membuat keputusan.

3.1.3 Al-Huriyyah

Al-hurriyah adalah salah satu prinsip penting dalam pengurusan Islam dan merupakan hak kebebasan yang meliputi kebebasan beragama, kebebasan bersuara dan kebebasan berfikir. Prinsip ini bertitik tolak melalui pengiktirafan Islam terhadap kebebasan yang di miliki oleh manusia sejak dilahirkan (Rasid et al, 2008). Sebagaimana sifat Rasulullah SAW yang sentiasa menerima pandangan daripada para sahabat dalam mengatur strategi serta taktik ketika perang badar. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa sesiapa saja berhak untuk menyuarakan pandangan, cadangan mahupun persetujuan masing-masing terhadap sesuatu isu yang dibincangkan. Prinsip Al-hurriyah sangat berkait rapat dengan amalan syura yang membenarkan perbezaan pendapat diperolehi bagi mendapatkan keputusan dan penyelesaian yang terbaik. Islam sangat menjamin kebebasan manusia dalam aspek hak asasi manusia. Menurut kajian Redzuwan (2001), hak kebebasan bersuara merupakan jalan yang terbaik bagi mengatasi masalah komunikasi di antara pemimpin dan orang yang dipimpin. Dalam konteks urus tadbir sekolah, kebebasan bersuara dapat membuka nilai kreativiti dan pemikiran proaktif serta menyumbang ke arah kecemerlangan organisasi bagi urus tadbir di sekolah (NurShahiza et al, 2014).

3.1.4 Al-Amanah

Melalui pengurusan Islam, amanah menjadi prinsip utama dalam pelaksanaan syura bagi menentukan keputusan terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan (Suhana & Marzuki, 2017). Menurut kajian lepas, prinsip amanah dalam pengurusan Islam mendominasi akhlak terpuji serta mewujudkan kepimpinan melalui kepimpinan Rasulullah SAW serta sentiasa berpegang teguh dengan amanah. Ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah al-Anfal ayat 27 yang bermaksud “Wahai orang-orang yang beriman. Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedangkan kamu mengetahui (salahnya)”. Prinsip amanah juga meliputi perbuatan yang berpegang pada janji dan sentiasa membantu ahli bawahannya yang memerlukan bantuan (Hassan et al, 2015). Melalui urus tadbir sekolah, prinsip amanah sangat penting dan memberi pengaruh kepada keseluruhan organisasi. Sifat bertanggungjawab dan amanah dalam melakukan tugas di sekolah akan memberi kesan kepada kecemerlangan prestasi sekolah. Sebagai contoh, sifat amanah dalam organisasi pengurusan sekolah akan mewujudkan pelaksanaan pengurusan yang konsisten dalam kepimpinan guru besar.

3.2 Adakah Pelaksanaan Pengurusan Barat Diadaptasi Dari Pengurusan Islam?

Tidak ramai yang mengetahui bahawa pengurusan barat bermula dari titik tolak dari pengurusan Islam. Ini terbukti melalui rentetan sejarah permulaan tamadun Islam yang dibina oleh Rasulullah SAW, zaman khulafa' ar-Rasyidin, pemerintahan kerajaan umayyah dan Abbasiyah. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW sendiri merupakan model pengurusan Islam yang sebenar dan diikuti oleh pemimpin yang lain mengikut zaman mereka. Rasulullah SAW sendiri telah melopori sistem pengurusan Islam yang melibatkan elemen pengurusan barat yang dikemukakan oleh tokoh barat yang memberi sumbangan besar dalam dunia pengurusan iaitu teori pengurusan pentadbiran yang dikemukakan oleh Henri Fayol. Namun begitu, ia telah dilaksanakan terlebih dahulu oleh Rasulullah SAW melalui elemen perancangan, pengorganisasian, pengawalan, penstafan, pelaksanaan serta kepimpinan (Ilhaamie, 2001).

Ini dapat dibuktikan melalui hijrah Rasulullah SAW yang merupakan salah satu contoh pengurusan Islam di mana Rasulullah SAW telah merancang, mengorganisasi mengawas,

menstaf, memimpin dan melaksanakan melalui penghijrahannya. Rasulullah SAW membuat perancangan yang sangat teliti sehingga berjaya berhijrah ke Madinah. Ini dapat dilihat apabila Rasulullah SAW meminta Ali bin Abi Talib menggantikannya di tempat tidur dan baginda bersama Abu Bakar berlindung di gua Hira'. Setelah itu, baginda dan Abu Bakar meneruskan perjalanan ke Madinah apabila mendapati kaum Quraish tidak lagi mengejar. Pendekatan amalan pengurusan dapat dilihat daripada usaha yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam menyebarkan Islam. Ini terbukti bahawa, Islam telah berjaya tersebar dalam masa dua puluh tiga tahun setelah pelbagai dugaan dan cabaran yang ditempuhi oleh Rasulullah SAW (NurShahiza et al, 2014).

3.3 Apakah Potensi Amalan Pengurusan Islam Yang Dilaksanakan Dalam Urus Tadbir Di Sekolah Atau Institusi Pendidikan?

Amalan pengurusan Islam mempunyai potensi untuk dilaksanakan di pelbagai sekolah termasuk sekolah agama mahupun sekolah harian biasa. Secara umumnya, apabila menyentuh tentang pengurusan Islam, ramai yang beranggapan bahawa pengurusan ini hanya boleh dilaksanakan di sekolah aliran agama atau semua sekolah yang keseluruhannya adalah beragama Islam. Pandangan seperti ini seharusnya diberi kefahaman yang jelas tentang pengurusan Islam. Pengetua atau pentadbir sekolah yang mengamalkan konsep pengurusan Islam tidak semestinya beragama Islam, bahkan pengetua atau pentadbir yang bukan Islam juga boleh melaksanakan konsep pengurusan Islam itu sendiri.

Hasil dapatan Al-Arkoubi (2008) melalui kajian Dr Marzuki et al (2014) mendapati pentadbir atau pemimpin yang sentiasa mengingatkan ahli organisasinya tentang keperluan melahirkan hubungan dengan pencipta akan terbentuknya rasa selamat, keazaman dan ketenangan yang tinggi dalam organisasi. Secara ringkasnya, pendedahan penghayatan Islam dan tanggungjawab seseorang individu itu terhadap penciptanya telah berhasil bagi membentuk kesedaran yang tinggi dalam kalangan kakitangan dan guru sekolah bagi meningkatkan kecemerlangan dalam urus tadbir organisasi sekolah yang lebih sempurna.

3.4 KEPENTINGAN PENGURUSAN ISLAM DALAM URUS TADBIR DI SEKOLAH

Konsep pengurusan Islam perlu diperkenalkan kerana kepentingannya kepada dunia dan masyarakat Islam sebagai pelengkap kepada sistem yang sedia ada serta sebagai panduan kepada mereka dalam mencari sistem yang membawa kepada keharmonian hidup. Kepentingan amalan pengurusan Islam dalam urus tadbir di sekolah dapat dilihat seperti berikut:

Mewujudkan individu yang mempunyai keyakinan dan harga diri yang sangat tinggi. Dalam organisasi pengurusan sekolah, individu sebegini akan berani memperkatakan sesuatu yang hak dan benar sekalipun boleh menjejaskan kedudukannya. Sebagai contoh, selaku guru besar yang mentadbir sekolah, sudah tentu keyakinan dalam membuat sesuatu keputusan sangat penting bagi membina hubungan organisasi yang baik di sekolah.

Setiap individu akan bersikap terbuka dan tidak jumud pemikirannya. Dari sudut pengurusan sekolah akan menjadikan guru, kakitangan dan pentadbir yang beramanah, cekap dan berdisiplin bahkan dapat membina jati diri agar tidak mudah putus asa apabila berlakunya kegagalan. Secara tidak langsung ahli organisasi sekolah bersedia dan sentiasa menjalankan tugas tanpa perlu paksaan.

Pengurusan Islam merangkumi keseimbangan dunia dan akhirat kerana beranggapan bahawa kerja adalah ibadah yang harus dilakukan tanpa mengira ganjaran. Oleh itu, pentadbir atau pengetua yang mengaplikasi prinsip pengurusan Islam yang sebenar akan sentiasa

melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang di berikan kepadanya tanpa banyak kerenah dan bukan disebabkan ganjaran semata.

Menjadi satu inovasi baru dalam dunia Pendidikan kini dengan memperkenalkan amalan pengurusan Islam dalam kalangan organisasi urus tadbir bagi setiap sekolah di Malaysia.

4.0 KESIMPULAN

Hasil perbincangan yang telah dilakukan mengenai pelaksanaan pengurusan Islam dalam urus tadbir di sekolah. Maka disimpulkan bahawa pelaksanaan pengurusan Islam dalam urus tadbir sekolah banyak memberi sumbangan yang amat bermanfaat terhadap individu, organisasi agama dan negara terutamanya dalam aspek pengurusan di sekolah. Pembudayaan negara yang menitikberatkan ciri dan nilai Islam pada masa kini menunjukkan bahawa, keperluan terhadap institusi pendidikan perlu diberi nafas baru bahkan dapat membebaskan pemikiran manusia terhadap pelbagai pemikiran serta teori yang tidak selari dengan nilai dan prinsip kemanusiaan sepertimana pengurusan barat yang bersifat dualism dalam banyak hal (NurShahiza et.al, 2014). Melalui bidang pendidikan, amalan pengurusan berlandaskan Islam yang diamalkan oleh pengetua atau pentadbir sekolah diyakini akan memberi dorongan kepada mereka dalam mengubah nilai dan sikap agar komited terhadap tanggungjawab dan amanah yang digalas. Ini kerana, pengurusan Islam adalah berdasarkan nilai kerohanian dan ketuhanan yang tinggi bagi memelihara agama dalam menguruskan urusan dunia. Oleh itu, pelaksanaan amalan pengurusan Islam dalam urus tadbir di sekolah sangat penting diwujudkan bagi membina suasana dan budaya yang dapat mengukuhkan lagi nilai Islam dan akhlak dalam diri manusia.

5.0 RUJUKAN

- Aabed, A. (2006). *A Study of Islamic Leadership Theory and Practice in K-12 Islamic Schools in Michigan*. Brigham Young University.
- Ahmad Ibrahim, A. (1991). *Pengurusan Dalam Islam*. (N. Abd Rashid, & K. Jusoh , Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Redzuwan, M. (2001). *Demokrasi dan Kepimpinan Islam Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Aida Hanim, A. (2020). *Gaya Kepimpinan Islam: Gaya Kepimpinan Baharu Dalam Kalangan Pengetua*. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(2), 46-57.
- Aidit, H. (1993). *Pengurusan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Briffault, R. (2018). *Rational Evolution: The Making of Humanity* (5 ed.). Routledge.
- Dr Ahmad Marzuki, M., Dr Ajmain @ Jimaain, S., Dr Wan Hasan, W., & Dr Zairus Norsiah, A. (2014). *Penerapan Akidah Tauhid dalam Kalangan Kepimpinan Pendidikan*. *International Seminar on Islamic Law, Economic, Education and Science Issues*, 1-12.
- Haji Hassan Al-Banna, M., Ab Mumin, A., & Siti Arni, B. (2015). *Nilai-nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan al-Quran dan Integrasi Ilmu Sainstifik*. *Jurnal Syariah*.
- Haji Mohd Nor, J. (2010). *Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, komitmen dan Kepuasan Kerja Guru dan Hubungannya Antara Sekolah Berkesan dan Sekolah Kurang Berkesan*. *Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-12*.
- Ihaamie, A. (2001). *Pengurusan Dari Perspektif Islam*. *Jurnal Syariah*, 9(2), 85-102.
- Mustafa, H. (1991). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

- Nik Mutasim, A., & Ismail, U. (1993). Pendidikan Holistik dalam Menangani Permasalahan Dalam Isu Pengurusan: Menghadapi Cabaran Abad-21. Kertas Kerja Seminar Ekonomi & Manajemen Indonesia-Malaysia.
- NurShahiza, M., Asmahan, M., & Norni, A. (2014). Pengurusan Dalam Islam. Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik KPT.
- Rasid, M., Mohd Yadman, S., & Salahuddin, S. (2008). Pengurusan Islam: Teori dan Praktis. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA.
- Suhana, A., & Ahmad Marzuki, M. (2017). Amalan Syura Dalam Kalangan Kepimpinan Pendidikan Berasaskan Konsep Amanah. Malaysian Online Journal of Education.
- Suharto, D. U. (2000). Latar Belakang Pengurusan Islam.
- Suzlina, K. (2013). Tahap Amalan Pengurusan Program Linus Dalam Kalangan Pentadbiran di Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling (Shah Alam). Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana.